

Ambil kira alam sekitar

PM jelaskan mengapa ECRL elak bina jajaran rel melalui Gombak

Jajaran baharu projek Rel Pantai Timur (ECRL) akan memberi keutamaan kepada faktor kebudayaan, warisan dan alam sekitar dengan mengelakkan Rabung Kuarzit Klang Gates di Gombak Selangor, sebuah daripada rabung kuarza tulen terpanjang di dunia.

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, jajaran baru ECRL mengelak pembinaan Terowong Genting sepanjang 17.8 kilometer dari Bentong ke Gombak.

"Ini disebabkan struktur gunung di sepanjang laluan. Jika kita mahu melakukannya, kita perlu menggali begitu banyak terowong. Selain itu, bahan di situ kebanyakannya silika yang kita boleh gunakan untuk tujuan lain. Kami tidak mahu mengganggu mendapan itu," katanya pada sidang media berkaitan projek ECRL di Bangunan Perdana Putra, semalam.

Mengenai keseluruhan jajaran ECRL, Dr Mahathir berkata, jarak 640 kilometer

ECRL yang dicadangkan itu akan merenangi 20 stesen dari Kota Bharu melalui Kuala Terengganu, Kuantan, Mentakab dan diteruskan hingga ke Jelebu, Bangi/Kajang, Putrajaya Sentral serta Port Klang.

"Jajaran selatan yang baharu itu turut menyediakan rangkaian darat langsung dari Pelabuhan Kuantan ke Pelabuhan Klang bertindak sebagai jambatan darat antara kedua-duanya pelabuhan itu.

Perdana Menteri berkata, jajaran baharu itu akan memanfaatkan Rangkaian Rel Ekspres (ERL) Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) sedia ada selain Laluan Transit Aliran Massa 2 Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP) pada masa depan dengan pertukaran di Putrajaya Sentral.

"Ia merupakan penambahbaikan yang signifikan kepada pertukaran menerusi LRT (Transit Aliran Ringan) dalam ITT (Terminal Pengangkutan Bersepadu) Gombak sepertimana aturan sebelum ini," katanya.

Beliau berkata, penumpang yang kini menggunakan perkhidmatan KTM Komuter dan Perkhidmatan Tren Elektrik (ETS) dari bahagian selatan Semenanjung akan melakukan pertukaran ECRL di stesen ECRL Bangi/Kajang seperti yang dicadangkan. - *Bernama*



Permatang Kuarza Gombak antara kawasan diwartakan sebagai warisan dunia Unesco.

Kejayaan Tun M berunding dengan China

KUALA LUMPUR - Perjanjian baharu projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) merupakan kejayaan besar bagi Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan membezakan Malaysia daripada negara lain yang berurusan dengan kuasa besar Asia berkenaan, kata seorang ahli ekonomi Amerika Syarikat.

Pendapat Pengerusi Jabatan Ekonomi LIU Post, Panos Mourdoukoutas yang dimuatkan dalam *Forbes* berkata, Malaysia berani melakukan sesuatu yang gagal dilakukan oleh Sri Lanka, Pakistan dan Filipina untuk membawa Beijing kembali ke meja rundingan bagi

mengurangkan kos projek-projek pelaburan.

Beliau berkata, Dr Mahathir berjaya menunaikan janji kempen pilihan rayanya untuk merundingkan semula pelaburan China di negara ini, yang lebih banyak memenuhi kepentingan Beijing berbanding Kuala Lumpur.

"ECRL adalah antara puluhan projek infrastruktur China di seluruh dunia," katanya.

Katanya, masalahnya banyak projek infrastruktur China tidak berdaya maju kerana dibina dengan kos yang tinggi menyebabkan negara terlibat berhutang dengan Beijing. - *Bernama*